



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA 0053
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINCIPLE ACCOUNTING /
NAMA KURSUS PRINSIP PERAKAUNAN

YEAR / PROGRAMME : ENRICHMENT /
TAHUN / PROGRAM PENGUKUHAN

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : MAC / APRIL 2017
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

Answer **ALL** questions in the answer booklet provided.
Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of **6** pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi **6** muka surat termasuk kulit hadapan

**PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA
SPACE
UTM *International Campus*
PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK**

ARAHAN AM

1. PENYELEWENGAN AKADEMIK (SALAH LAKU PEPERIKSAAN)

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut:-

- (a) Memberi atau menerima atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, cetak atau apa-apa jua bentuk lain yang ada kaitan dengan sesuatu kursus semasa peperiksaan bagi kursus tersebut dijalankan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas.
- (b) Menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di perkara 1(a) di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan.
- (c) Menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu semasa peperiksaan sedang berjalan.
- (d) Lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti.

2. HUKUMAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah dibicara oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu, atau kombinasi yang sesuai dari dua atau lebih hukuman-hukuman berikut :-

- (a) Memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan mata pelajaran yang berkenaan. (Termasuk kerja kursus).
- (b) Memberi markah SIFAR (0) bagi semua mata pelajaran yang didaftarkan kepada semester tersebut.
- (c) Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua hendaklah diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Jawab SEMUA soalan.

[JUMLAH 100 markah]

1. Padankan setiap pernyataan berikut dengan istilah yang sesuai. Cuma **SATU** jawapan sahaja yang dapat dikaitkan untuk setiap pernyataan.

A. Nota debit	F. Tempoh perakaunan	K. Buku tunai	P. Buku tunai runcit
B. Aset Semasa	G. Imbangan duga	L. Imbangan akaun	Q. Konsep entiti berasingan
C. Diskaun niaga	H. Aset bukan semasa	M. Diskaun tunai	R. Konsep usaha berterusan
D. Aset	I. Nota kredit	N. Konsep akruan	S. Perakaunan catatan bergu
E. Pemiutang	J. Kos Sejarah	O. Penghutang	T. Penyata penyesuaian bank

- i. Nilofa, seorang peniaga merekodkan belanja premium insuran peribadinya sebagai ambilan di dalam buku perakaunan perniagaan Nilofa Trading.
- ii. Asas konsep perakaunan yang menyatakan hasil dan belanja mesti diiktiraf di dalam tempoh perakaunan berkaitan berbanding berdasarkan asas tunai.
- iii. Satu sistem merekod transaksi, berdasarkan catatan pertambahan dan pengurangan di dalam akaun supaya debit sama dengan kredit.
- iv. Laporan kewangan bagi perniagaan Nilofa Trading disediakan bagi tempoh 1 Julai hingga 30 Jun tahun berikutnya setiap tahun.
- v. Dokumen ini adalah untuk memaklumkan pembeli bahawa hutangnya telah berkurang.
- vi. Sesuatu item bernilai dan dimiliki oleh sesebuah perniagaan yang dapat menjanakan pendapatan pada masa hadapan.
- vii. Diskaun yang ditawarkan kepada pelanggan sebagai insentif untuk pembayaran tepat pada masanya ke atas liabiliti mereka dari segi belian kredit.
- viii. Jenis aset ini merupakan aset yang dibeli bukan untuk dijual semula tetapi digunakan untuk membantu menjalankan perniagaan.
- ix. Buku ini adalah untuk mencatat semua urusniaga yang dibeli dalam amaun yang kecil.
- x. Analisa yang menerangkan perbezaan di antara baki akaun bank yang ditunjukkan di dalam rekod syarikat dengan baki yang dilaporkan pada penyata bank.

(Jumlah 10m)

2. Berikut adalah aktiviti perniagaan MemeyTrading sepanjang bulan Januari 2017:

- i. Memulakan perniagaan dengan wang tunai RM10,000.
- ii. Membeli peralatan pejabat secara kredit daripada H-Solution berjumlah RM5,000.
- iii. Menerima wang pinjaman daripada Bank DSA RM10,000 dan dimasukkan ke dalam bank.
- iv. Menghantar invoice bernilai RM3,500 kepada Infinite Café bagi barang-barang yang telah diserahkan kepada perniagaan tersebut.
- v. Membayar sewa kedai RM2,500 dan gaji pekerja RM1,000 dengan cek.
- vi. Pemilik mengambil tunai RM2,000 bagi kegunaan peribadinya.

Dikehendaki:

Merekodkan setiap urusan niaga tersebut dengan menggunakan format catatan bergu seperti berikut:-

No	Debit	Kredit
i.	Akaun Tunai	Akaun Modal - Memey

(Jumlah 10m)

3. Pada 1 Februari 2017, Fattah memulakan perniagaan alat gantian dan aksesori gajet dengan modal RM25,000. Beliau memasukkan wang tunai RM23,000 ke dalam bank dan bakinya disimpan untuk urus niaga harian. Sepanjang bulan Februari 2017, urus niaga berikut telah berlaku.

- 1 Membeli sebuah komputer secara kredit bernilai RM3,500 daripada Hi-Tech Sdn Bhd untuk kegunaan perniagaan.
- 2 Membeli mesin daftar tunai dengan cek RM1,000 untuk perniagaannya.
- 3 Membeli barang gantian gajet berharga RM2,500 secara kredit daripada GoPro Supplies.
- 7 Membawa masuk sebuah kipas lama bernilai RM50 untuk kegunaan perniagaan.
- 8 Menerima inoivis daripada GadgetBuy Trading untuk barang niaga berharga RM2,500 pada harga senarai dan menerima diskaun niaga 5%.
- 9 Membayar Hi-Tech Sdn Bhd dengan cek dan menerima diskaun 5%.
- 12 Mengambil barangan aksesori gajet bernilai RM200 untuk kegunaan sendiri.
- 15 Menjual barang berharga RM850 kepada Akim Trading dan RM450 kepada AQ Enterprise secara kredit.
- 18 Menghantar nota kredit bernilai RM50 kepada AQ Enterprise ke atas barangan yang rosak.
- 26 Menerima nota kredit daripada:

GoPro Supplies	RM100
GadgetBuy Trading	RM200
- 27 Menghantar inoivis kepada Perniagaan Haq untuk barang yang dibekalkan pada harga senarai RM1,500 dan memberi diskaun niaga sebanyak 10%.
- 28 Akim Trading menjelaskan hutangnya dengan membayar cek RM850
- 29 Membayar sewa kedai RM500 secara tunai
- 30 Membeli alat tulis sebanyak RM50 secara tunai.

Dikehendaki:

- a. Rekodkan semua urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan Februari 2017. (25m)
- b. Nyatakan DUA perbezaan utama di antara diskaun tunai dan diskaun niaga. (5m)

(Jumlah 30m)

4. Puan Nelydia, seorang peniaga butik tudung, mempunyai maklumat yang berikut pada 1 Januari 2017:-

- i. Tunai di bank RM15,000 pada 1 Januari 2017.
- ii. Penghutang pada 31 Disember 2016 adalah RM18,000. Semua jualan diberikan tempoh tiga puluh (30) hari kredit. Anggaran jualan bagi tiga (3) bulan pertama 2017 adalah seperti berikut:-

	(RM)
Januari	22,000
Februari	20,000
Mac	24,000

- iii. Pemiutang pada 31 Disember 2016 adalah RM20,000. Semua belian diberikan tempoh tiga puluh (30) hari kredit. Anggaran belian bagi tiga (3) bulan pertama 2017 adalah seperti berikut:-

	(RM)
Januari	19,000
Februari	20,000
Mac	21,000

- iv. Belanja-belanja lain seperti berikut dibayar pada setiap hujung bulan dan pada nilai yang sama kecuali belanja am di mana amaun bayaran meningkat sebanyak 5% daripada bulan sebelumnya:-

	(RM)
Upah	1,200
Sewa	400
Overhed	250
Kos Angkutan	300
Belanja Am	120

- v. Puan Nelydia merancang untuk membeli sebuah mesin jahitan bernilai RM5,000. Untuk itu, beliau perlu membayar 20% wang pendahuluan pada bulan Februari 2017 dan bakinya perlu dijelaskan sepenuhnya apabila mesin jahit tersebut dihantar ke butik beliau pada bulan berikutnya.
- vi. Ambilan tunai oleh Puan Nelydia dianggarkan pada RM200 setiap bulan.

Dikehendaki:

- a. Sediakan belanjawan tunai bermula bulan Januari hingga Mac 2017.
- b. Senaraikan **DUA** kepentingan penyediaan belanjawan tunai.

(16m)

(4m)

(Jumlah 20m)

5. Berikut adalah baki-baki yang dipetik daripada buku-buku Perniagaan Ashraf pada 31 Mac 2017:

Imbangan Duga pada 31 Mac 2017

	Dr (RM)	Cr (RM)
Stok pada 1 April 2016	2,400	
Modal		40,000
Penghutang Niaga	1,060	
Pemiutang Niaga		1,500
Tunai di Bank	300	
Komisen diterima		920
Belanja am	360	
Gaji	7,000	
Angkutan masuk	800	
Pulangan masuk	480	
Sewa	8,400	
Belanja promosi	560	
Pinjaman bank		4,800
Bunga atas pinjaman bank	480	
Kenderaan bermotor	34,000	
Perabut dan Kelengkapan	11,000	
Belian	36,400	
Jualan		56,580
Kadar bayaran	240	
Ambilan	320	
	103,800	103,800

Maklumat Tambahan :

- i. Stok pada 31 Mac 2017 bernilai RM2,460

Dikehendaki :

- a. Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2017
b. Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2017

(15m)

(15m)

(Jumlah 30m)

- SOALAN TAMAT -